

NO SOALAN: 359

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA]

RUJUKAN : 8032

SOALAN:

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah banduan yang telah memohon pengampunan dan jumlah yang telah dibenarkan serta adakah wujud garis panduan tertentu bagi kelulusan permohonan pengampunan itu.

JAWAPAN:

Rayuan pengampunan atau petisyen oleh seseorang banduan kepada Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri boleh dibuat di bawah Peraturan 113 dan Peraturan 114 dalam Peraturan-Peraturan Penjara 2000. Peraturan 114 memperuntukkan rayuan pengampunan atau petisyen oleh banduan hukuman mati manakala Peraturan 113 memperuntukkan rayuan pengampunan atau petisyen boleh dibuat oleh lain-lain banduan sabitan (*convicted*).

Semenjak tahun 2013 hingga 2014, sejumlah 226 banduan telah mengemukakan rayuan pengampunan atau petisyen. Seramai 66 banduan telah mengemukakan petisyen atau rayuan bagi memohon pengampunan di bawah Peraturan 113 dan seramai 160 banduan hukuman mati telah mengemukakan petisyen atau rayuan di bawah Peraturan 114. Daripada jumlah tersebut, seramai 11 orang banduan telah dipertimbangkan peringanan hukuman.

Berhubung garis panduan permohonan pengampunan, petisyen yang dikemukakan perlu mematuhi ketetapan tempoh dan negeri di mana kesalahan dilakukan sepertimana ketetapan Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan serta Peraturan 113 dan 114 dalam Peraturan-Peraturan Penjara 2000.

Semasa membuat pertimbangan dan nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri, Lembaga Pengampunan Negeri akan mengambilkira berbagai aspek termasuklah antaranya kes di mana banduan terlibat, tempoh hukuman yang telah dilalui,

rayuan yang dikemukakan, kesihatan dan pencapaian pemulihan yang telah dijalani.